

Malaysia gesa PBB lakukan perubahan

KUALA LUMPUR 22 Mac - Malaysia menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melakukan perubahan khususnya yang membabitkan struktur keanggotaan Majlis Keselamatan badan dunia itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman berkata, perubahan tersebut antara lain menambah bilangan anggota tetap dan tidak tetap dalam majlis tersebut.

Selain itu, menurutnya, negara-negara yang memiliki kuasa veto dalam Majlis Keselamatan perlu menggunakan kuasa mereka dengan bertanggungjawab.

"Malaysia cukup beruntung apabila mendapat peluang memberikan sumbangan dalam Majlis Keselamatan sebelum ini dan kami berharap dapat melakukannya pada masa depan.

"Sehubungan itu, Malaysia melahirkan harapan untuk diberikan keanggotaan tidak tetap Majlis Keselamatan bagi penggal 2015-2016. Penglibatan Malaysia mampu memperkukuhkan keyakinan kami bahawa perubahan adalah penting bagi memastikan majlis tersebut kekal relevan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pembukaan sempena ucapatama khas Setiausaha Agung PBB, Ban Ki-moon di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), di sini hari ini.

Turut berangkat, Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah.

Anifah berkata, selain keanggotaan Majlis Keselamatan, PBB juga perlu mentransformasi misi keamanannya.

Jelasnya, faktor globalisasi telah menghasilkan cabaran-cabaran baru namun, dunia masih berhadapan dengan isu kemiskinan, bencana alam, kemusnahan alam sekitar, krisis ekonomi, pencabulan hak asasi manusia dan krisis kemanusiaan.

"Kita juga menyaksikan era perubahan dan untuk itu, peranan PBB perlu berubah daripada sebuah institusi yang hanya mengimbangi perbezaan ideologi kepada pertubuhan yang aktif berdepan dengan perubahan seluruh dunia," katanya.